

08/05/1998

PM rasmikan laluan LRT stesen Bukit Jalil

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan laluan LRT Sistem 1 yang dikendalikan Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (Star-LRT) di stesen Bukit Jalil pada 11 Julai ini.

Ketua Perhubungan Awam dan Pemasaran Star-LRT, Yap Bee Lee, berkata ujian terakhir laluan Fasa II daripada Chan Sow Lin ke Bukit Jalil diadakan sejak 27 April lalu.

"Ujian itu merangkumi latihan kakitangan Star-LRT, keselamatan, teknikal dan simulasi operasi menyeluruh sebelum perkhidmatan komersil bermula Julai ini," kata Berita Harian di sini, petang ini.

Perkhidmatan komersil bagi fasa pertama LRT Sistem 1 dari Ampang ke Sultan Ismail dilancarkan 16 Disember 1996 serta menerima sambutan menggalakkan di kalangan pengguna.

Laluan fasa kedua membabitkan jarak kira-kira 12 kilometer akan menjadi pengangkutan utama ke Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil ketika Sukan Komanwel XVI di ibu kota, September ini.

Yap berkata, ketika upacara perasmian nanti, Dr Mahathir akan menaiki LRT di stesen Sultan Ismail ke stesen Bukit Jalil di mana acara akan dijalankan.

Perdana Menteri kemudian terus ke Kompleks Sukan Negara untuk merasmikan perasmian kompleks itu

Menurut beliau, bagi fasa kedua Sistem 1 semua tren akan diubah suai daripada pencantuman dua gerabak kepada tiga gerabak untuk menjadikannya lebih panjang.

"Pertambahan gerabak itu menyebabkan tren akan berhenti di kedudukan paling hujung di platform stesen," katanya sambil menambah, setiap tren mampu menampung 1,200 penumpang atau 24,000 penumpang sejam sehal.

(END)